TEKS UCAPAN

YANG BERHORMAT DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS KONVOKESYEN KEDUA PULUH SATU
UNIVERSITI KUALA LUMPUR

16 NOVEMBER 2024 (SABTU)
BERSAMAAN
14 JAMADILAWAL 1446 HIJRAH

DEWAN MERDEKA
PUSAT DAGANGAN DUNIA, KUALA LUMPUR

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Salam Segulai Sejalai,

Salam Luar Bandar Sejahtera.

Terima Kasih Saudara/ Saudari

Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

MUKADIMAH

1. Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpahan rahmatnya jua, saya dapat bersama – sama dengan seluruh warga Universiti Kuala Lumpur dalam **Majlis Konvokesyen Kedua Puluh Satu** pada pagi ini.

2. Terima kasih saya ucapkan kepada **Universiti Kuala Lumpur** di atas kesudian menjemput saya bagi menyempurnakan Pembukaan Majlis Konvokesyen ini.

3. Saya merasa amat gembira dapat bersama – sama para tetamu, para ibu bapa dan ahli keluarga sekalian untuk meraikan kejayaaan **6,602 orang** graduan UniKL pada tahun ini.

4. Dan pada sesi pertama ini, saya telah diberikan amanah untuk menyampaikan skrol kepada **652 orang** graduan serta menyampaikan anugerah kepada **27 orang graduan terbaik** bagi **kelas 2024**.

5. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan buat semua para graduan, para ibu bapa serta ahli keluarga sekalian.

6. Sesungguhnya hari ini bukan sahaja kita meraikan kejayaan para graduan malah kita juga meraikan segala penat lelah keringat para ibu bapa dan keluarga yang bersungguh-sungguh memastikan anak-anak anda mendapat segulung ijazah sebentar lagi. Berikan tepukan gemuruh kepada diri anda semua.

KEJAYAAN UNIKL

Tuan-tuan puan-puan, para graduan dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Saya ingin merakamkan ucapan Tahniah kepada barisan kepimpinan, Ahli Senat, para pensyarah dan warga kerja UniKL secara keseluruhannya atas kejayaan melahirkan sejumlah besar graduan yang merupakan **modal insan berkualiti** dan **berkemahiran tinggi** untuk negara kita.

8. Seperti mana yang dimaklumkan oleh **Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Azman** sebentar tadi, kita turut meraikan kejayaan seramai **147 orang** graduan antarabangsa dari **36 buah negara** termasuklah Pakistan, Mauritius, Indonesia, India, Maldives, Bangladesh, Syria dan Yemen.

9. *To all international graduates, heartiest congratulations on your achievement and we are proud to be part of your journey.*

10. Pencapaian ini mencerminkan kejayaan UniKL dalam menghasilkan tenaga mahir yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia serta negara-negara lain.

11. Pada masa ini, UniKL mempunyai **660 graduan** antarabangsa dari **65 negara**, menunjukkan bahawa institusi ini telah mendapat kepercayaan masyarakat global untuk menimba ilmu dan diharapkan akan menarik lebih ramai mahasiswa luar negara pada masa akan datang.

12. Di dalam negara pula, UniKL telah meraih **Anugerah Emas *Aria Putra Brand Awards*** selama **dua tahun berturut-turut,** membuktikan bahawa UniKL adalah **pilihan utama** rakyat Malaysia untuk pendidikan berkualiti dalam bidang *higher* TVET.

13. Ini turut dibuktikan dengan kejayaan UniKL melahirkan graduan program **Ijazah Doktor Falsafah** dan program **Sarjana yang paling tinggi** dalam sejarah majlis konvokesyen ini.

14. Bukan itu sahaja, program doktor falsafah yang ditawarkan di UniKL turut menjadi pilihan **Yang Berhormat Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah Binti Musa,** Ahli Dewan Negara dan **Yang Berbahagia Ir. Dr. Mahzan Bin Teh,** Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) MARA sebagai destinasi PhD mereka. Tahniah diucapkan. Berikan tepukan yang gemuruh kepada mereka.

15. Untuk makluman hadirin sekalian, bagi sesi pengambilan mahasiswa baru **Oktober 2024** yang lalu, UniKL telah mencatatkan peningkatan kemasukan pelajar sebanyak **147%,** dengan jumlah keseluruhan mahasiswa kini mencapai **31,470 orang.**

16. Manakala mengikut Laporan Kajian Pengesanan Graduan ***(tracer study***), kadar kebolehpasaran graduan UniKL juga menunjukkan peningkatan, dengan **97.5%** bagi tahun **2023,** menandakan perubahan

positif dalam persepsi masyarakat terhadap pendidikan TVET.

17. Ini sudah tentu adalah hasil usaha **pengarusperdanaan TVET** oleh pihak kerajaan melalui Majlis TVET Negara yang dipengerusikan oleh **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi,** Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) yang juga merupakan **Pro Canselor** UniKL.

18. Ternyata **Dasar TVET Negara 2030** untuk menjadikan Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran ini telah berjaya menarik lebih ramai golongan muda dan para ibu bapa agar memilih pendidikan TVET sebagai jaminan kerjaya.

19. Selain daripada itu, saya turut dimaklumkan bahawa UniKL akan memperkenalkan **program Open and Distance Learning (ODL)** mulai **Oktober 2024**, yang akan memudahkan akses pendidikan

secara fleksibel dan praktikal, terutama untuk golongan bekerja.

20. **Program ODL pertama** yang ditawarkan ialah **Sarjana dalam Sains Komputer** di UniKL *Malaysian Institute of Information Technology (*UniKL *MIIT)* dan lebih banyak program Sarjana secara ODL akan ditawarkan menjelang **2025** nanti bagi membuka peluang lebih ramai untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

21. Oleh hal demikian, setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada UniKL di atas kejayaan ini dan berharap agar institusi ini terus memberikan pengalaman pendidikan TVET yang terbaik di Malaysia dan di persada antarabangsa.

PERANAN GRADUAN MAHIR DALAM TRANSFORMASI EKONOMI NEGARA

Tuan-tuan puan-puan, para graduan dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

22. Dalam dunia yang semakin kompleks dan berkembang dengan pantas ini, **tenaga kerja muda** merupakan aset penting yang memacu pembangunan masa depan negara kita, Malaysia.

23. **Revolusi Industri 4.0** telah membawa perubahan besar kepada ekonomi global, dan Malaysia tidak ketinggalan dalam usaha memacu kemajuan tersebut.

24. Justeru, tenaga kerja yang mahir dan berdaya saing adalah **kunci utama** untuk memastikan negara kita bukan sahaja mampu bersaing tetapi menjadi peneraju di peringkat antarabangsa.

25. Bidang-bidang seperti kejuruteraan, teknologi maklumat, bioteknologi, kecerdasan pintar (AI) dan *Internet of Things* (IOT) kini menjadi keutamaan dalam industri di seluruh pelusuk dunia.

26. Graduan yang berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang ini tidak hanya berfungsi sebagai pelaksana, tetapi sebagai **agen perubahan** yang memacu pertumbuhan ekonomi negara.

27. Menurut laporan **Future of Jobs dari World Economic Forum**, sebanyak **54%** tenaga kerja global perlu menguasai kemahiran baru akibat daripada transformasi digital dan automasi.

28. Di peringkat tempatan, Malaysia mensasarkan untuk meningkatkan peratusan tenaga kerja mahir kepada **60%** menjelang **2030.**

29. Sasaran ini bukanlah sekadar angka, tetapi satu panggilan untuk semua graduan agar sedia memainkan peranan dalam landskap ekonomi yang dinamik serta menterjemahkan ilmu dan kemahiran ke dalam tindakan yang berkesan bagi pembangunan negara.

30. Saya ambil contoh Korea Selatan, sebuah negara yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam melaburkan sumber secara besar-besaran dalam sistem pendidikan dan latihan teknikal mereka.

31. Melalui pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan, Korea Selatan berjaya meletakkan dirinya sebagai salah satu **peneraju utama** dalam industri semikonduktor dan elektronik dunia dengan barisan syarikat gergasi mereka seperti **Samsung Electronics** dan **SK Hynix.**

32. Kejayaan ini terlakar ekoran daripada jalinan kerjasama yang erat antara sektor awam dan swasta di Korea Selatan yang memainkan

peranan yang penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir.

33. Resolusi daripada jalinan ini adalah dengan membuka ruang syarikat-syarikat besar di sana untuk menyediakan latihan industri yang membolehkan pelajar mendapatkan pengalaman langsung dalam persekitaran kerja sebenar.

34. Ini bukan sahaja mempercepatkan proses peralihan graduan ke dalam dunia pekerjaan, tetapi juga memastikan bahawa mereka

mempunyai kemahiran yang relevan dan sesuai dengan kehendak industri.

35. Tuntasnya, generasi muda perlu diberikan pendedahan kepada pendekatan baharu yang selari dengan keperluan pasaran terkini agar mereka dapat bersaing di peringkat global, dan dalam pada masa yang sama, tidak melupakan kepentingan berkhidmat di tanah air sendiri.

PESANAN KEPADA GRADUAN

Para graduan yang saya kasihi sekalian,

36. Setinggi – tinggi tahniah saya ucapkan kepada semua para graduan atas kejayaan menamatkan pengajian di UniKL pada sidang kali ini.

37. Di kesempatan yang pendek ini, saya ingin menitipkan pesan dan kepada para graduan sebagai bingkisan pada hari kegembiraan anda ini.

38. **Wahai para graduan!**

Ingatlah, bahawa kejayaan anda diraikan hari ini adalah hasil daripada sokongan dan pengorbanan ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga yang selama ini tulang belakang yang sentiasa memberi semangat dan dorongan tanpa mengenal penat lelah.

39. Tidak ada satu pun teknologi canggih masa kini yang dapat menggantikan perasaan dan kegembiraan para ibu dan bapa apabila dapat melihat anak mereka berada di depan mata.

40. Ingatlah bahawasanya selama ini anda sebenarnya memikul harapan besar bukan sahaja sebagai anak bangsa tetapi sebagai duta kepada perubahan dan kemajuan Malaysia.

41. **Wahai para graduan!**

Jadikanlah ilmu dan kemahiran yang diperoleh selama ini sebagai alat untuk menyumbang kembali manfaat kepada masyarakat.

42. Berkhidmatlah dengan penuh kejujuran dan integriti di dalam negara, kerana kemajuan Malaysia terletak di tangan generasi muda yang berjiwa patriotik dan berilmu seperti kalian.

43. **Wahai para graduan!**

Di tengah-tengah dunia yang pantas berubah ini, janganlah kita sesekali merasa selesa dengan pencapaian semasa.

44. Jadikan setiap cabaran yang mendatang sebagai peluang untuk berkembang dan jangan pernah takut untuk gagal kerana itu adalah sebahagian daripada tuntutan dalam mencari pengalaman hidup.

45. Seperti mana yang pernah diungkapkan oleh Nelson Mandela,

"The greatest glory in living lies not in never falling, but in rising every time we fall."

46. Maka **Bangkitlah! Bangunlah! Berdirilah** pada setiap kali anda jatuh walaupun pedih dan sakit, kerana dari kepedihan dan kesakitan itu nanti anda akan menemui kekuatan, pedoman, dan pelajaran baru.

47. Ingatlah bahawa setiap langkah kecil ke arah kemajuan adalah sangat berharga dan lama-kelamaan akan membuka jalan yang lebih besar bagi peluang dan kejayaan. Selamat maju jaya wahai para graduan.

PENUTUP

Tuan-tuan puan-puan, para graduan dan sidang hadirin yang saya hormati sekalian,

48. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mewakili seluruh warga KKDW ingin mengucapkan Tahniah kepada MARA, MARA Corporation dan UniKL diatas kejayaan melakar satu lagi sejarah melalui **Majlis Konvokesyen Kedua Puluh Satu UniKL** ini.

49. Tidak ketinggalan juga jutaan terima kasih saya ucapkan kepada warga kerja yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.

50. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak pencapaian di masa akan datang buat para graduan semua.

51. Akhir kalam, saya ingin menutup ucapan ini dengan dua rangkap pantun, khas untuk para graduan UniKL yang saya sayangi.

Indah sungguh Kota Samarahan,
Udaranya segar, tenang dan nyaman,
Graduan UniKL menjadi rebutan,
Sarat pengetahuan tinggi kepakaran.

Terbang tinggi si burung Kenyalang,
Cari bekalan sebelum pulang,
Graduan cemerlang UniKL terbilang,
Memacu negara ke mercu gemilang.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG
TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH